

UEM Edgenta Perkenal Loji Premix dengan Kemudahan Kitar Semula untuk Memacu Infrastruktur Jalan Raya Mampan

Kemudahan baharu merupakan satu pencapaian penting dalam infrastruktur ekonomi kitaran dengan keupayaan asfalt kitar semula dan jejak karbon yang lebih rendah

TAPAH, PERAK, 30 Julai 2025 – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), sebuah syarikat pengurusan aset dan penyelesaian infrastruktur terkemuka, hari ini mengumumkan pembangunan dan kesediaan operasi Loji Premix pertamanya yang dilengkapi dengan Kemudahan Kitar Semula di Chenderiang, Tapah, Perak bagi menghasilkan Turapan Asfalt Kitar Semula (*Recycled Asphalt Premix* atau RAP). Dibangunkan melalui anak syarikat perkhidmatan infrastrukturnya, Edgenta PROPEL Berhad, loji ini merupakan langkah strategik dalam usaha syarikat untuk menerajui penyelesaian infrastruktur mampan sejajar dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) Malaysia.

Beroperasi sejak September 2024, Loji Premix UEM Edgenta ini menandakan pencapaian penting dalam pembangunan infrastruktur mampan. Dibina dengan kapasiti pengeluaran 240 tan sejam, loji ini mampu mengendalikan pengeluaran asfalt berskala besar dengan cekap. Ia juga dilengkapi dengan teknologi terkini yang membolehkannya menghasilkan campuran asfalt yang mengandungi bahan kitar semula, menyokong amalan pembinaan yang lebih mampan dan mesra alam.

Penubuhan Loji Premix ini mencerminkan komitmen kukuh UEM Edgenta terhadap prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dengan mengurangkan kebergantungan kepada bahan mentah asli serta menggalakkan amalan ekonomi kitaran dalam penyelenggaraan jalan raya. Kemudahan ini diunjurkan dapat mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 15 peratus berbanding kaedah pengeluaran asfalt konvensional, di samping menyokong kerja pemulihan turapan jalan sepanjang lebih 200 kilometer setahun. Proses tenaga cekap ini turut menjimatkan penggunaan kuasa bagi setiap tan bahan melalui penggunaan semula bahan kitar semula.

“Loji Premix ini mencerminkan komitmen kami dalam menyampaikan penyelesaian infrastruktur yang mampan dan berprestasi tinggi yang bukan sahaja memberi manfaat kepada pelanggan kami, tetapi juga kepada negara secara keseluruhan. Dengan mengintegrasikan bahan kitar semula dan proses

tenaga cekap, kami membantu pelanggan mengurangkan jejak alam sekitar sambil mempromosikan kemampanan jangka panjang serta mengurangkan kesan alam sekitar melalui prinsip kitar semula bahan,” kata Raihana Ahmad, Ketua, Perkhidmatan Infrastruktur.

Selaras dengan agenda kemampanan Khazanah Nasional dan matlamat tenaga boleh diperbaharui negara menjelang 2050, loji ini berperanan sebagai model kejuruteraan cekap sumber yang menyokong NETR menerusi penggunaan bahan kitar semula, pengurangan sisa tapak pelupusan dan pembangunan infrastruktur yang mesra alam sekitar.

Terletak di lokasi strategik berhampiran Lebuhraya PLUS, Loji Premix ini memberikan kelebihan logistik yang ketara, membolehkan pengedaran produk RAP yang cekap ke projek-projek infrastruktur dan pemulihan jalan raya utama di sekitar Perak dan wilayah tengah. Kedudukan strategik ini bukan sahaja meningkatkan keupayaan operasi tetapi turut mengurangkan masa penghantaran, sejajar dengan komitmen UEM Edgenta terhadap kecekapan operasi dan penjagaan alam sekitar.

Loji ini dikendalikan sepenuhnya oleh tenaga kerja yang dilantik secara langsung, terdiri daripada bakat tempatan termasuk juruteknik mahir dan operator loji. Lebih daripada sekadar kemudahan pengeluaran, ia melambangkan komitmen UEM Edgenta dalam mengintegrasikan kemampanan dengan pembangunan sosioekonomi. Ia bukan sahaja mengurangkan kesan alam sekitar menerusi penggunaan bahan kitar semula, tetapi turut menyediakan peluang pekerjaan bermakna serta pemerkasaan kemahiran. Pendekatan seimbang ini menyokong matlamat infrastruktur negara dan memperkukuh daya tahan komuniti serta penciptaan nilai jangka panjang.

Berpandukan kemajuan teknologi global serta keperluan infrastruktur negara yang semakin berkembang, Loji Premix kami bersama Pusat Penyelidikan Turapan telah mencapai kemajuan penting dalam inovasi produk premix mampan untuk penerimaan industri yang lebih luas dan potensi pengembangan ke peringkat serantau pada masa hadapan.

Inisiatif ini mengukuhkan peranan UEM Edgenta sebagai rakan infrastruktur masa hadapan kepada kerajaan dan sektor swasta dalam membentuk masa depan yang lebih berdaya tahan dan rendah karbon.

Untuk maklumat lanjut mengenai UEM Edgenta, layari <https://www.uemedgenta.com>.

-Tamat-

Issued by UEM Edgenta Berhad; For Media enquiries, please contact Wan Laila Fatimah, Head, Corporate Communication (wanlaila@edgenta.com) / Ali Baizuri Razali, Manager, External Communications (alibaizuri@edgenta.com)

Mengenai UEM Edgenta

UEM Edgenta (www.umedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.